

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	14 DECEMBER 2016

Jambatan Tinggi RTS atasi kesesakan

BH-14/12/2016

➔ Perincian dimuktamad melalui perjanjian tahun hadapan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia dan Singapura bersetuju menggunakan jambatan tinggi bagi Sistem Transit Rapid (RTS) yang akan menghubungkan Johor Bahru dan Singapura dalam usaha mengurangkan kesesakan trafik di Tambak Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata keputusan itu

dibuat beliau dan rakan sejawatnya dari Singapura, Lee Hsien Loong selepas meneliti pelbagai opsyen bagi RTS, termasuk menggunakan jambatan tinggi, jambatan rendah atau terowong.

“Kami memutuskan bahawa penggunaan jambatan tinggi adalah penyelesaian terbaik. Kita akan melihat perinciannya, dokumen dan ini (RTS) akan diintegrasikan dengan sistem MRT Singapura bagi meningkatkan lagi hubungan.

Penyelesaian terbaik

“Kita sudah mengambil masa membincangkannya dan fikirkan penyelesaian dengan kos paling efektif. Sebab itu kita putuskan penyelesaiannya adalah jambatan tinggi. Kita akan memuktamadkan perinciannya melalui perjanjian pada tahun depan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media bersama Hsien

Loong di Perdana Putra di sini semalam, sempena Sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia dan Singapura Ketujuh.

Perkhidmatan rel rentas sempadan itu diumumkan Najib dan Hsien Loong pada Mei 2010 bagi menambah baik perjalanan dan beri impak positif kepada harga hartanah di kedua-dua bahagian tambak.

RTS akan menghubungkan Bukit Chagar, Johor Bahru dan Woodlands Utara di Singapura.

Najib berkata, sesi berkenaan juga membincangkan penambahbaikan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) antara kedua-dua negara, termasuk dari segi kekeperluan bagi mengurangkan kesesakan di tambak.

Sementara itu, Hsien Loong berkata, RTS akan meningkatkan hubungan Malaysia dan Singapura serta memberi manfaat kepada ri-

buan orang yang menyeberangi dua negara itu setiap hari.

“Pelawat boleh menjalani pemeriksaan imigresen di Johor Bahru, pergi ke RTS, datang ke Singapura dan menukar ke lauan MRT, begitu juga sebaliknya,” katanya.

Tak kompromi isu keselamatan
Sementara itu, BERNAMA melaporkan Malaysia dan Singapura tidak akan berkompromi dalam aspek keselamatan sempadan berhubung projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura, kata Najib.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Singapura telah memperoleh cara untuk mencari keseimbangan bagi menjadi mesra penumpang tanpa menjejaskan keselamatan HSR.

“Kami telah memperoleh penyelesaian yang sewajarnya. Tiga pusat kastam, imigresen dan kua-

rantin (CIQ) bersama akan diwujudkan, semua akan memantau pergerakan orang ramai.

“Kami percaya ini penyelesaian yang boleh dilaksanakan. Ia mesra penumpang dan pada masa sama tidak ada kompromi dalam aspek keselamatan. Saya rasa kami telah memperoleh keseimbangan yang tepat antara kedua-duanya,” katanya.

Sementara itu, Hsien Loong berkata, terdapat keperluan untuk memastikan sempadan Malaysia-Singapura selamat dan terjamin.

“Ia adalah sempadan antarabangsa yang paling sibuk di dunia. Tidak perlu menutup sempadan Malaysia-Singapura berikutan kerana keselamatan. Kita perlu menangani masalah itu dengan kerjasama erat dari kedua-dua belah pihak.

“Kita perlukannya untuk HSR dan RTS. Kami akan berusaha untuk menjayakannya,” katanya.